

Indeks Harga Pengeluar pada September meningkat

Kenaikan pertama indeks ukur harga barangan di pintu kilang itu selepas turun selama 7 bulan.

KUALA LUMPUR

Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) yang mengukur harga barangan di pintu kilang, mencatat peningkatan 0.2 peratus pada September 2023 berbanding negatif 2.2 peratus pada Ogos lalu, kata Jabatan Perangkaan.

Ini merupakan kenaikan pertama selepas penurunan selama tujuh bulan berturut-turut sejak Februari 2023 berikutan kesan asas dan harga komoditi utama yang meningkat, katanya dalam kenyataan IHPR Pengeluaran Tempatan bagi September 2023 pada Khamis.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat 3.2 peratus daripada susut satu peratus pada Ogos 2023 manakala perlombongan menokok 6.9 peratus daripada -3.8 peratus pada bulan sebelumnya.

"Kedua-dua sektor utiliti mencatatkan peningkatan, dengan sektor bekalan elektrik dan gas meningkat 0.5 peratus pada September 2023 daripada -0.1 peratus dalam bulan sebelumnya, manakala bekalan air meningkat 0.9 peratus daripada 2.5



Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang pada September 2023 meningkat 0.2 peratus berbanding Ogos lalu. - Gambar hiasan

peratus pada Ogos 2023," katanya.

Mohd Uzir berkata, sektor pembuatan kekal dalam wilayah negatif bagi tempoh lima bulan berturut-turut dengan menguncup 0.8 peratus daripada -2.3 peratus pada Ogos lepas.

"Bagi asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 0.9 peratus pada September 2023 selepas tiada perubahan dicatatkan pada Ogos 2023, didorong terutamanya oleh sektor perlombongan yang meningkat 5.6 peratus daripada 3.9 peratus pada bulan sebelumnya," katanya.

Sektor pembuatan mencatatkan peningkatan kecil 0.8 peratus daripada -0.2

peratus pada Ogos 2023 manakala sektor bekalan elektrik dan gas menokok 0.4 peratus daripada -0.1 peratus sebelum ini.

Mohd Uzir berkata, bagi suku ketiga 2023, IHPR Pengeluaran Tempatan kekal dalam wilayah negatif 1.4 peratus yang disumbangkan oleh sektor perlombongan (- 2.8 peratus) dan pembuatan (-1.7 peratus).

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2023, IHPR Malaysia turun sebanyak 2.1 peratus berbanding tahun lepas yang disebabkan oleh ketidaktentuan komoditi utama Malaysia, khususnya produk minyak sawit dan minyak mentah. - Bernama